



---

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**  
**MERANGKAP PENERUS BERSAMA CITF**

---

Malaysia telah mencapai peratusan kadar vaksinasi melebihi 90% bagi populasi dewasa yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos. Manakala lebih 70% daripadanya telah lengkap divaksinasi. Peratusan populasi keseluruhan negara juga amat memberangsangkan dengan lebih 50% yang telah lengkap divaksinasi dan lebih 65% telah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Di Kelantan, sehingga hari ini, peratusan vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa adalah melebihi 50%. Sementara itu, lebih 73% daripada populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Sehingga 9 September 2021, pecahan kadar vaksinasi bagi negeri Kelantan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Warga emas	: 58,405 (dos 1), 136,848 (dos 2)
Orang kurang upaya	: 21,407 (dos 1), 14,507 (dos 2)
Individu dengan komorbiditi	: 400,507 (dos 1), 289,216 (dos 2)

Untuk makluman, Kelantan kini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai Nilai Ambang 60% yang disasarkan pada hujung September nanti dengan setakat 8 September, sembilan daripada 10 daerah telah merekodkan kadar melebihi 60% bagi yang telah menerima dos pertama. Hanya Gua Musang sahaja yang masih berada di bawah sasaran tersebut setakat ini di mana usaha dan perhatian sedang diberikan untuk memastikan kadar dos pertama yang diberikan adalah mencukupi bagi rekod dos kedua dapat mencapai sasaran tersebut pada hujung bulan nanti.

Berdasarkan pembentangan pemantauan pengedaran vaksin COVID-19 semasa Mesyuarat CITF pada 8 September, Negeri Kelantan bakal menerima bekalan vaksin sebanyak 1,248,900 juta dos sepanjang bulan September ini.

**#KeluargaMalaysia**  
**#BekerjaBersamaRakyat**  
**#LindungDiriLindungSemua**

**Dato' Sri Dr. Adham Baba**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi/  
Pengerusi Bersama CITF  
11 September 2021